

Pendebat USIM unggul Piala Ibnu Khaldun

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) muncul johan Kejohanan Debat Ekonomi Piala Ibnu Khaldun apabila mengalahkan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), baru-baru ini.

Debat Ekonomi Piala Ibnu Khaldun disertai 32 pendebat dari pelbagai universiti awam antaranya Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dungun.

Kejohanan itu bertujuan meningkatkan kefahaman terhadap kepelbagaian polisi dan cabaran landskap ekonomi negara bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang Wawasan 2020.



PENDEBAT USIM bangga bersama piala dan hadiah sumbangan.



BARISAN pemenang gembira merayakan kemenangan masing-masing.